

FAKTOR PENOLAKAN PERMOHONAN KEBENARAN POLIGAMI: KAJIAN KES MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR (2009-2013)

Factors Of Rejection Of Polygamous Marriage Application: Case Study Of Selangor Shariah High Court (2009-2013)

Ana Faiza Md Norⁱ, Rafeah Saidonⁱⁱ & Azri Bhariⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pelajar Pasca Siswazah, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS),
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor

Emel: faiza@esyariah.gov.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA
(UiTM), Shah Alam, Selangor.

Emel: rafeahs@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan (PhD), Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi
MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor.

Emel: azrib178@uitm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p>Prosedur poligami telah lama wujud sejak tahun 1984 lagi di Selangor, namun amat sukar untuk dipatuhi oleh orang awam dengan pelbagai tohmahan telah dibuat terhadap Mahkamah Syariah, dengan proses yang dikatakan lewat dan menyusahkan. Ini terbukti dengan lambakan kes poligami yang telah dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mahkamah Syariah yang telah dilakukan diluar negara seperti di Selatan Thailand, Indonesia atau perkahwinan secara sindiket di dalam negara. Namun ramai yang tidak dapat memenuhi kriteria dalam berpoligami. Justeru itu kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji faktor penolakan permohonan kebenaran poligami berdasarkan seksyen 23(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor tahun 2003. Kajian ini telah dijalankan dari tahun 2009 sehingga tahun 2013 di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. Kajian ini telah dibuat secara analisis dokumen yang terdiri dari fail-fail kes Mahkamah berdasarkan Enakmen terkini</p>	<p>In Selangor, the procedures for polygamy has been in place since 1984, but compliance from the public's end has been challenging with allegations being made against the Shariah Court such as the process is said to be time-consuming and inconvenient. As a result, tons of polygamy cases have been reported to be carried out without the permission of the Shariah Court. These cases are usually conducted abroad in Southern Thailand, Indonesia or as marriage syndicates within the country. Many of the cases involved do not meet the said criteria for polygamy. As such, this study was conducted to scrutinize the factors of rejection of polygamy application based on section 23 (1) Selangor Islamic Family Law Enactment 2003. This study was conducted on Selangor Syariah High Court from the year 2009 to 2013 and was done by analysing documents consisting of Court case files based on the latest Enactment which was amended in 2003. The results of the study</p>

<p>yang telah ada pindaan pada tahun 2003. Hasil kajian mendapati terdapat faktor-faktor yang menyebabkan penolakan permohonan poligami di antaranya faktor ekonomi yang tidak kukuh, gagal membuktikan isu patut atau perlu, salah prosedur, bakal wali tidak bersetuju dan lain-lain lagi yang berpunca dari pihak pemohon sendiri yang gagal memenuhi kehendak enakmen.</p>	<p>has found that there are a few factors which had caused the rejection of polygamy applications, including unstable financial position, failure to prove the necessity of polygamy, failure to fulfil the procedures, disapproval from prospective wali and other factors such as the applicant failing to fulfil the requirements of the enactment.</p>
<p>Kata kunci: Poligami, Penolakan, Kebenaran Mahkamah</p>	<p>Keyword: Polygamy, Rejection, Court Approval</p>

PENGENALAN

Pensyariatan poligami dalam Islam adalah berdasarkan al-Quran. Firman Allah s.w.t. dalam surah an-Nisā' 4:3:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَنِّي وَثَلُثَ وَرُبُوعًا فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ آدَبُ اللَّهِ أَلَّا تَعُولُوا

Maksudnya:

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Ayat di atas diturunkan selepas berlakunya Perang Uhud yang telah mengorbankan banyak orang Islam dan menyebabkan isteri mereka menjadi janda serta anak-anak mereka kehilangan kasih sayang seorang bapa. Aisyah menyatakan, seorang lelaki mempunyai seorang wanita yatim, lalu dia menikahnya sedangkan dia memiliki pohon kurma. Dia menahannya bagi memberinya nafkah sedangkan wanita yatim tadi tidak memiliki sesuatupun. Maka berkenaan hal itu turun ayat tersebut yang melarang penganiayaan terhadap anak-anak yatim mahupun isteri-isteri. (Zulkefli Mohd Yusoff, et.al. 2014). Ini menunjukkan bahawa poligami disyariatkan untuk memenuhi keperluan-keperluan individu dalam masyarakat dan sebagai jalan penyelesaian masalah masyarakat dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja

bukan untuk mengambil kesempatan atas kesenangan atau kesusahan orang lain.

Berdasarkan ayat 3 Surah al-Nisa' ini juga menunjukkan bahawa hukum poligami adalah harus jika tidak mendatangkan kemudharatan dan penganiayaan ke atas isteri yang dikahwini. Sekiranya suami tidak dapat berlaku adil dan akan memudaratkan isteri, maka mereka diarahkan beristeri hanya seorang sahaja. Di sini jelas menunjukkan bahawa keharusan berpoligami adalah berkait rapat dengan keadilan pihak suami dalam melaksanakan tanggungjawab dalam semua aspek rumah tangga. Keadilan di sini bukan sahaja berkaitan kemampuan suami dari segi kewangan untuk menyara lebih dari seorang isteri tetapi hendaklah berlaku adil dalam pelbagai aspek termasuk memberi bimbingan dan menjadi teman kepada isteri-isteri (Anuar Ahmad 2016).

Walau bagaimanapun, untuk berlaku adil dalam soal cinta dan kasih sayang adalah sukar kerana ia di luar kemampuan manusia (Al-Quran, an-Nisā' (4):129). Rasulullah s.a.w. sendiri sering berdoa supaya Allah s.w.t tidak mencelanya dalam soal penggiliran kerana beliau sendiri mengaku tidak dapat berlaku adil khususnya dalam soal kecenderungan hati terhadap mana-mana isteri. Keadilan yang diwajibkan ke atas lelaki yang berpoligami ialah keadilan nafkah, tempat tinggal, tempat tidur, pergaulan yang baik serta melaksanakan kewajipan sebagai seorang suami terhadap isteri-isterinya. Sementara keadilan dari segi perasaan kasih sayang bukanlah keadilan yang mesti diperolehi oleh isteri-isterinya selagi ia tidak membawa kepada tindakan yang zalim. Ini kerana manusia tidak boleh menguasai hatinya yang menjadi punca kasih sayang (Mustofa Al Khin 2009).

Bagi maksud keadilan menurut seksyen 23 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 (sama dengan negeri-negeri lain di Malaysia) sebenarnya secara tersirat, memperuntukkan hak-hak isteri sedia ada sekiranya suami berpoligami yang boleh dirumuskan seperti berikut:

- i. Hak untuk didengar dan diambil kira pandangannya oleh Hakim Syariah semasa dipanggil bersama-sama suami di hadapan Hakim sebelum permohonan poligami diluluskan oleh mahkamah syariah – seksyen 23(5) (Abdul Walid, 2016).
- ii. Hak untuk didengar kes permohonan poligami dalam perbicaraan tertutup di Mahkamah Tinggi Syariah supaya aibnya tidak didengar oleh orang lain – seksyen 23(5).
- iii. Hak untuk diperlakukan/dilayan secara adil dalam poligami – seksyen 25(5).
- iv. Hak untuk membuat bantahan terhadap permohonan poligami sekiranya terbukti suami tidak layak – seksyen 23(7).

- v. Hak untuk mendapatkan peruntukan khas/jaminan awal nafkah yang adil pra poligami – seksyen 23(10).
- vi. Hak untuk mendapattkankan peruntukan khas/jaminan awal harta sepencarian pra poligami – seksyen 23(10) (Abdul Walid, 2016).

Sekiranya pihak isteri mendapati hak-hak di atas (terutama item i, ii,iii, iv, v dan vi) telah dikhianati atau dinafikan, mereka boleh mengemukakan bantahan melalui Penyata Pembelaan bagi membalas dan menjawab tuntutan pihak suami atau mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah mengikut undang-undang tatacara mal mahkamah syariah negeri.

Terdapat peruntukan-peruntukan di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri bagi memastikan keadilan ke atas kaum wanita serta memastikan konsep poligami yang telah disyariatkan itu tidak bertentangan dengan prinsip keadilan yang sebenarnya. Di antaranya seperti negeri Selangor memperuntukkan seksyen 23(1) EUUKIS tahun 2003 yang menyatakan “Tiada seorang pun lelaki semasa wujudnya suatu perkahwinan boleh, kecuali dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada Mahkamah, membuat akad nikah perkahwinan yang lain dengan perempuan lain” dan seksyen 129 EUUKIS tahun 2003 bagi suami yang tidak memberi keadilan yang sewajarnya pada isteri menjadi suatu kesalahan dan boleh dihukum. Justeru itu sungguhpun poligami itu suatu perkara sunnah, namun bukan semua lelaki dapat mengikuti prosedur dan syariat sebagaimana yang ditetapkan oleh hukum dan undang-undang negeri.

Lelaki Islam yang ingin berpoligami di Malaysia terikat dengan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam bagi negeri masing-masing sebelum mereka dibenarkan berpoligami. Contohnya di Selangor permohonan poligami melalui seksyen 23(1) EUUKIS tahun 2003 perlu dibuat melalui Mahkamah Tinggi Syariah (MTS). Namun, peruntukan yang ada ini dianggap remeh dan dipandang mudah bagi sesetengah pihak serta menganggap peruntukan yang ada ini menyalahi hukum Islam kerana menyekat kaum lelaki dari berpoligami sehingga mereka melanggar peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Hal ini terbukti berdasarkan peningkatan pernikahan tanpa izin di Yala sekurang-kurangnya 5 pasangan dari Malaysia berkahwin setiap hari (Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Wan Asrudi Wan Hasan 2014). Kajian yang berkait keperluan kehadiran isteri sedia ada dalam permohonan poligami satu tinjauan awal adalah untuk menilai ketelusan prosedur atau tatacara yang diaplikasikan di Mahkamah Tinggi Syariah dalam tuntutan permohonan poligami dan keselariannya dengan elemen maqasid syariah. (Azizah Mohd Rapini & Nur Zulfah Md Abdul Salamini,2020)

Walaupun bagaimanapun prosedur berdasarkan Enakmen ini dibuat adalah semata-mata untuk kebaikan masyarakat demi memelihara hak-hak pihak-pihak yang terlibat dengan poligami. Justeru itu kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji faktor penolakan permohonan kebenaran poligami berdasarkan seksyen 23(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor tahun 2003.


METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan metod analisis kandungan dengan meneliti fail-fail kes Mahkamah Tinggi Syariah Selangor (MTS) dari tahun 2009 sehingga tahun 2013. Dalam kajian ini pengkaji telah memilih sebanyak 477 sampel daripada 850 sampel keseluruhan kes permohonan kebenaran poligami dari tahun 2009 sehingga tahun 2013. Pemilihan tahun 2009 sehingga tahun 2013 juga adalah berdasarkan peningkatan pendaftaran kes pernikahan poligami bermula tahun 2011 berbanding 2 tahun sebelumnya iaitu tahun 2009. Daripada jumlah kes mahkamah yang di pilih, pengkaji memfokuskan kepada kes-kes yang ditolak permohonan kebenaran poligami iaitu sebanyak 25 kes.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Terdapat sebanyak 4 kategori keputusan yang telah dikenalpasti sepanjang 5 tahun keputusan bagi kes permohonan kebenaran poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor dari tahun 2009 sehingga tahun 2013 iaitu kes yang telah diluluskan, kes yang telah ditolak, kes yang telah dibuang dan kes yang telah ditarik balik. Lulus yang dimaksudkan dalam keputusan kes adalah apabila Mahkamah memberi kebenaran terhadap permohonan Plaintiff atau Pemohon sebagaimana yang dipohon. Manakala tolak dalam keputusan kes pula membawa maksud kes tidak berjaya atau tidak diluluskan. Bagi kategori buang kes adalah membawa maksud kes itu boleh dibuang tindakan itu atau diketepikan apabila kedua-dua pihak tidak hadir atau plaintiff yang tidak hadir. Bagi kategori tarik balik kes pula memberi maksud menarik balik prosiding yang dipohon. dan mengakibatkan tindakan kausa yang sama tidak boleh dipohon selepas ini melainkan Mahkamah telah memberi kebenaran (lihat gambar rajah 1) dan statistik kategori faktor penolakan permohonan poligami (lihat gambar jadual 1).

Rajah 1: Keputusan Kes Permohonan Poligami Dari Tahun 2009-2013



Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)

Jadual 1: Statistik Kategori Faktor Penolakan Permohonan Poligami Dari Tahun 2009-2013

Tahun	Tidak Dapat Berla-ku Adil	Gagal Mem-bukti-kan Patut/ Perlu	Ekono-mi Tidak Kukuh	Bakal Wali Tidak Setuju	Bakal Isteri Tidak Setuju	Gagal Ikut Prose-dur	Lain-lain	Jumlah Keselu-ruhan
2009	1	-	-	-	-	-	-	1
2010	-	2	2	-	-	-	1	5
2011	1	-	3	1	1	-	1	7
2012	1	1	1	-	-	3	-	6
2013	4	-	2	-	-	-	-	6
Jumlah	7(28%)	3(12%)	8(32%)	1(4%)	1(4%)	3(12%)	2(8%)	25(100%)

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)

FAKTOR KES PERMOHONAN KEBENARAN POLIGAMI DI TOLAK

Kajian telah dibuat terhadap fail-fail kes berkaitan penolakan mahkamah terhadap permohonan kebenaran poligami. Di antara faktor-faktornya adalah seperti berikut:

1. Tidak Dapat Berlaku Adil

Allah SWT memerintahkan kepada semua manusia untuk selalu bersikap adil dalam semua keadaan, sama ada baik hubungan dengan hak-Nya mahupun hak-hak sesama manusia (Quran, al Nisa' (4): 3). Begitu jugalah sikap adil dalam poligami, iaitu adil (tidak berat sebelah) dalam mencukupi keperluan para isteri dalam hal makanan, pakaian, tempat tinggal dan giliran bermalam bersama isteri-isteri. Sebagaimana firman Allah SWT (Quran, al Nisa' (4): 3).

Perkara ini diakui oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya “Barangsiapa beristerikan dua orang, lalu lebih condong kepada salah satu dari mereka, akan tiba di hari kiamat dalam keadaan tubuhnya miring sebelah.” (Hadis no 2133, riwayat Abu Daud). Namun begitu keadilan ini adalah antara ciri yang tiada pada suami yang ingin berpoligami. Kajian ini membuktikan faktor ini adalah penyebab kedua tertinggi dalam isu penolakan permohonan kebenaran poligami yang meliputi 28% iaitu sebanyak 7 kes dari faktor penolakan

Sebagai contoh dalam kes *Mohd Fadzil lwn Suriyati (10400-011-0271-2009)*, walaupun dalam pengakuan dan keterangan Plaintiff menyatakan kemampuan dalam memberi layanan yang adil kepada isteri dan bakal isteri serta tidak akan menyebabkan darar syarie kepada isteri dan bakal isteri. Namun pihak isteri tidak bersetuju dan setelah perbincangan berlangsung selama 5 bulan 25 hari itu. Mahkamah mendapati Plaintiff tidak layak untuk berpoligami kerana dikhuatiri akan berlaku pengabaian terhadap isteri, bakal isteri dan anak-anak Plaintiff yang sedia ada sekiranya permohonan poligami diluluskan.

Mahkamah juga telah menolak kes *Che Muhammad Hafizi lwn Wahidah (10300-011-0437-2011)* dalam isu yang sama kerana dikhuatiri Plaintiff akan mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang suami dan tidak dapat berlaku adil kepada isteri dan juga bakal isteri. Menariknya dalam kes ini mahkamah tetap menolak permohonan Plaintiff walaupun pihak isteri memberi keizinan.

2. Gagal Membuktikan Patut Atau Perlu

Elemen patut atau perlu merupakan di antara syarat utama untuk memohon kebenaran poligami. Ini berkait dengan seksyen 23 (5) (a) EUUKIS 2003 yang menyatakan bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut atau perlu, memandangkan kepada antara lain, hal-hal keadaan yang berikut, iaitu, kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak-hak persetubuhan, atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada. Faktor ini adalah penyebab ketiga tertinggi dalam isu penolakan permohonan kebenaran poligami yang meliputi 12% iaitu sebanyak 3 kes dari faktor penolakan.

Sekiranya tidak menepati syarat patut ataupun perlu, maka Plaintiff adalah tidak layak untuk memohon poligami. Dalam kes *Mohamad Jajuli lwn Zurainah & Nurul Ain (10200-011-0077-2010)* Mahkamah telah menolak permohonan kes ini kerana Plaintiff gagal membuktikan kepada Mahkamah berkaitan patut ataupun perlu perkahwinan yang dicadangkan seiring dengan kehendak seksyen 23 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor tahun 2003.

Mahkamah telah menolak tuntutan Plaintiff meskipun pihak isteri-isteri Plaintiff telah mengizinkan perkahwinan yang dicadangkan iaitu perkahwinan buat kali ketiga. Mahkamah telah memutuskan kes ini ditolak apabila melihat Plaintiff gagal memuaskan hati mahkamah bahawa perkahwinan yang dicadangkan bukanlah sesuatu yang patut ataupun suatu keperluan kepada Plaintiff.

3. Kedudukan Ekonomi Yang Tidak Kukuh

Keharusan berpoligami dalam Islam berasaskan tanggungjawab bukan atas dasar nafsu semata-mata. Jika poligami Rasulullah S.A.W. dihayati dan dikaji, maka ternyata tanggungjawab adalah perkara utama yang didahulukan. Zaleha Muhamat (2002) yang mengupas isu poligami menurut persepektif Islam telah mendapati bahawa masalah yang dihadapi dalam kehidupan berpoligami sebagaimana yang di adukan oleh isteri-isteri di antaranya ialah nafkah zahir ataupun saraan hidup bagi isteri dan anak-anak tidak diberi langsung atau diberi dengan kadar yang tidak mencukupi kerana suami tidak berkemampuan dalam erti kata lain ekonomi suami yang rendah. Faktor ini adalah penyebab tertinggi dalam isu penolakan permohonan kebenaran poligami yang meliputi 32% iaitu sebanyak 8 kes dari faktor penolakan.

Justeru, ia jelas menunjukkan isu ekonomi yang kukuh dan stabil amat penting dalam permohonan kebenaran berpoligami. Mahkamah juga akan melihat kemampuan pihak suami atau pemohon ketika siasatan dalam masa prosiding sedang berjalan. Pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen dan saksi sekiranya perlu dalam menyokong permohonan kebenaran poligami. Dalam kes *Muhammad Asraf lwn Zuraini (10400-011-0467-2012)*, Plaintiff mempunyai pendapatan sebanyak RM4,200.00 sebulan. Defendan pula tidak bersetuju dengan tuntutan Plaintiff. Mahkamah telah menolak kes tersebut kerana Plaintiff kurang berkemampuan dari segi pendapatan (kewangan) untuk menampung isteri sedia ada serta anak-anak dan bakal isteri terutama plaintiff sedang menyambung pelajaran dan memerlukan banyak wang.

Dalam kes yang lain pula Mahkamah juga telah menolak kes *Mohammad Shahree lwn Hanita (10100-011-0601-2013)* kerana Plaintiff telah gagal membuktikan kepada Mahkamah bahawa beliau berkemampuan untuk beristeri buat kali kedua walaupun mempunyai pendapatan sebanyak RM13,500.00 sebulan namun setelah Hakim meneliti pendapatan Plaintiff hanya berbaki sebanyak RM554.25 sebulan. Dalam kes ini Defendan telah tidak bersetuju dengan perkahwinan yang dicadangkan oleh Plaintiff. Kes ini juga telah mengambil masa perbicaraan selama 6 bulan dan berakhir dengan keputusan ditolak.

Berikut merupakan jadual 2 yang menerangkan pendapatan Plaintiff atau suami yang memohon kebenaran poligami dalam sebulan dari tahun 2009 sehingga 2013.

Jadual 2: Pendapatan Pemohon dalam kes Permohonan Poligami

Pendapa-tan Tahun	< 1 K	1K-3K	3K-5K	5K-10K	10K-20K	20K-50K	>50K	Jumlah
2009	0	6	6	20	6	2	1	41
2010	0	12	27	29	13	2	0	83
2011	2	16	33	33	13	7	0	104
2012	0	28	40	46	19	7	1	141
2013	0	14	35	31	22	6	0	108
Jumlah	2	76	141	159	73	24	2	477
Keseluru-han	(0.42%)	(15.93%)	(29.55%)	(33.33%)	(15.3%)	(5.03%)	(0.42%)	(100%)

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (Jakess)

Jadual 2 menunjukkan, dalam kajian selama 5 tahun ini, majoriti pendapatan Pemohon (suami) adalah diantara 5 ribu sehingga 10 ribu sebulan yang mewakili sebanyak 159 kes iaitu sebanyak 33.33% daripada 477 kes keseluruhannya. Manakala pendapatan paling minima dibawah 1 ribu mewakili 2 kes iaitu sebanyak 0.42% sahaja daripada 477 kes keseluruhannya. Masih peratus yang sama iaitu sebanyak 0.42% iaitu sebanyak 2 kes daripada 477 kes keseluruhan juga dari pendapatan melebihi 50 ribu sebulan. Kajian mendapati sepanjang 5 tahun kajian dibuat dari tahun 2009 sehingga tahun 2013 sebanyak 33.33% majoriti pendapatan pemohon (suami) adalah di antara 5 ribu sehingga 10 ribu sebulan. Dapatan kajian juga mendapati pendapatan paling minima adalah sebanyak RM308.55 sebulan manakala pendapatan paling maksima adalah sebanyak RM72,000.00 sebulan.

Walaupun lebih pendapatan belum menjanjikan kelulusan dari pihak Mahkamah kerana mungkin saja tanggungannya juga besar. Begitu juga kekurangan pendapatan juga belum tentu permohonan akan ditolak. Segalanya akan dibicarakan dengan panjang lebar di Mahkamah agar tiada sesiapa yang akan teraniaya disebabkan perkahwinan yang baru ini. Ini dapat dijelaskan melalui jadual 3 yang menyatakan analisis pendapatan suami bagi kes yang ditolak seperti dibawah.

Jadual 3: Pendapatan Suami Dalam Kes Permohonan Poligami Yang Di Tolak

Pendapatan Tahun	< 1 K	1K-3K	3K-5K	5K-10K	10K-20K	20K-50K	>50K	Jumlah
2009	0	0	1	0	0	0	0	1
2010	0	1	2	2	0	0	0	5
2011	1	1	3	1	1	0	0	7
2012	0	0	3	3	0	0	0	6
2013	0	1	3	1	1	0	0	6
Jumlah	1	3	12	7	2	0	0	25
Keseluruhan	(4%)	(12%)	(48%)	(28%)	(8%)	(0%)	(0%)	(100%)

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (Jakess)

Daripada jadual 3 seperti di atas terdapat 25 kes yang telah ditolak oleh mahkamah yang mewakili 5.24% daripada 477 kes yang dikaji. Walaupun jumlahnya kecil namun kajian telah dibuat terhadap fail-fail tersebut berkaitan pendapatan pemohon (suami) dalam permohonan kebenaran poligami. Hasil kajian tersebut mendapati terdapat 1 kes yang berpendapatan dibawah 1 ribu sebulan yang mewakili 4% daripada 25 fail. Pendapatan sekitar 1 ribu sehingga 3 ribu sebulan pula sebanyak 3 kes yang mewakili 12% daripada 25 fail kes yang ditolak. Manakala sebanyak 12 kes daripada 25 fail yang mewakili 48% berpendapatan sebanyak 3 ribu sehingga 5 ribu sebulan. Sebanyak 28% iaitu sebanyak 7 kes daripada 25 kes berpendapatan sebanyak 5 ribu sehingga 10 ribu sebulan. Seterusnya sebanyak 8% yang mewakili 2 kes daripada 25 fail keseluruhan mempunyai pendapatan sebanyak 10 ribu sehingga 20 ribu sebulan.

Walaupun pendapatan yang dinyatakan seperti diatas tidak konsisten ada yang sangat rendah dan ada juga pendapatan agak tinggi dalam sebulan, namun isu ketidak mampuan dari segi kewangan juga di antara faktor kes ditolak. Kajian juga mendapati dalam kes yang ditolak ini paling minima gaji bulanan yang diterima adalah sebanyak RM308.55 sebulan, manakala pendapatan paling maksima pula sebanyak RM20,572.00 sebulan.

Memenuhi syarat yang ditetapkan itu sangat diutamakan selain daripada faktor kewangan kerana beban pembuktian kemampuan pemohon (suami) perlu dibuktikan di Mahkamah selain daripada dokumen sokongan dan keterangan saksi-saksi yang dapat menyokong keterangan pemohon. Sebagaimana kes *Hashnol Hafizh lwn Zakiah (10400-011-0197-2011)*. Kes ini telah ditolak kerana bakal wali tidak bersetuju sungguhpun pihak Defendan (isteri) telah mengizinkan namun kes ini ditolak sebab tiada persetujuan bakal wali. Malahan pula pendapatan sebulan Plaintiff hanya sebanyak RM308.55 sahaja.

4. Bakal Wali Tidak Bersetuju

Wali merupakan salah satu syarat sah nikah bagi sesebuah perkahwinan. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh sebuah hadis yang bermaksud: Daripada Abi Musa r.a. Rasulullah saw bersabda: “Tidak ada nikah melainkan dengan adanya wali.” (Riwayat al-Khamsah dan An-Nasa’i). Dalam Islam, seseorang wali itu bertanggungjawab kepada anak perempuan atau saudara perempuannya yang belum berkahwin. Bahkan tanggungjawab ini juga sama ke atas perempuan yang berstatus janda atau ibu tunggal. Wali bererti teman karib, pemimpin, pelindung atau penolong yang terdiri daripada ahli waris lelaki yang terdekat kepada pengantin perempuan. Faktor ini adalah penyebab paling minima dalam isu penolakan permohonan kebenaran poligami yang meliputi 4% iaitu sebanyak 1 kes sahaja dari faktor penolakan.

Oleh itu peranan wali dalam suatu pernikahan amat penting dan boleh terbatal perkahwinan tanpa persetujuan wali atau ketiadaan wali. Berdasarkan seksyen 23(5) Enakmen Keluarga Islam Selangor tahun 2003 mengkehendaki wali kepada bakal isteri hadir dalam perbicaraan. Merujuk kes *Hashnol Hafizh lwn Zakiah (10400-011-0197-2011)*, Mahkamah telah menolak kes tersebut kerana bakal wali telah tidak bersetuju dengan pernikahan yang dicadangkan di antara Plaintiff dan anak beliau. Walaupun Defendan (bakal isteri) bersetuju dengan perkahwinan yang dicadangkan namun wali kepada bakal isteri telah tidak bersetuju dengan cadangan dengan perkahwinan tersebut berikutan dengan kenyataan plaintiff yang hanya berpendapatan sebanyak RM308.55 sahaja pada setiap bulan. Perbicaraan kes ini telah berlangsung perbicaraan selama 3 bulan 16 hari dan berakhir dengan keputusan ditolak.

5. Bakal Isteri Tidak Bersetuju

Seksyen 23(1) dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan “tiada seorang pun lelaki semasa wujudnya suatu perkahwinan boleh, kecuali dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada Mahkamah, membuat akad nikah perkahwinan yang lain dengan perempuan lain.” Permohonan kebenaran poligami merupakan permohonan pernikahan yang baru dengan bakal isteri sedangkan dalam masa yang sama masih ada isteri atau isteri-isteri dalam perkahwinan yang terdahulu. Faktor ini adalah penyebab paling minima dalam isu penolakan permohonan kebenaran poligami yang meliputi 4% iaitu sebanyak 1 kes dari faktor penolakan.

Bakal isteri merupakan orang yang bakal dikahwini oleh Pemohon atau Plaintiff. Oleh itu persetujuan bakal isteri sangat penting dalam perkahwinan yang dirancang sebagaimana dalam rukun nikah perlu ada calon suami, calon isteri, wali, dua orang saksi dan sighthab ijab qabul. Merujuk kepada kes *Hazlan lwn Nazeriah (10200-011-0181-2011)*, walaupun Defendan telah memberi keizinan kepada Plaintiff namun dalam masa perbicaraan sedang berjalan bakal

isteri telah menarik diri untuk berpoligami dan enggan masuk campur. Kes ini telah berlangsung perbicaraan selama 3 bulan 2 hari dan berakhir dengan keputusan ditolak.

6. Gagal Mengikut Prosedur

Dalam permohonan kebenaran poligami telah termaktub dalam EUUKIS tahun 2003 segala syarat dan kehendak menurut enakmen tersebut perlu dipatuhi namun masih terdapat pihak-pihak yang tidak mengikuti peraturan tersebut. Faktor ini adalah penyebab ketiga tertinggi dalam isu penolakan permohonan kebenaran poligami yang meliputi 12% iaitu sebanyak 3 kes dari faktor penolakan.

Di antaranya terdapat pihak-pihak yang mengelirukan fakta kes dengan membuat permohonan kebenaran poligami sedangkan mereka telah pun bernikah sebagaimana kes *Ruslan lwn Poziyah (10400-011-0629-2012)* di antara *Ruslan (Plaintif) lwn Poziyah (Defendan)* yang mana Defendan telah membantah dengan tidak bersetuju dengan permohonan Plaintiff kerana pernikahan telah pun berlangsung. Oleh itu kes ini telah ditolak oleh Mahkamah. Sepatutnya pihak Plaintiff memohon mendaftarkan permohonan pendaftaran poligami bukan permohonan kebenaran poligami.

Dalam kes yang lain pula Plaintiff telah gagal mengemukakan kehadiran bakal isteri dan bakal wali ketika prosiding perbicaraan. Ini merujuk kes *Mokhtar lwn Hamidah (10400-011-0225-2012)* yang menyatakan Plaintiff telah gagal memenuhi kehendak seksyen 23 EUUKIS tahun 2003 yang mengkehendaki kehadiran bakal isteri dan bakal wali ke Mahkamah ketika prosiding berlangsung dan atas sebab itu menyebabkan kes telah ditolak.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya hasil dapatan ini adalah untuk mengetahui faktor penolakan permohonan kebenaran poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor diantara tahun 2009 sehingga tahun 2013. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai faktor, yang menyebabkan kes-kes permohonan kebenaran poligami telah ditolak di antaranya ialah tidak dapat berlaku adil, gagal membuktikan sama ada perkahwinan yang dipohon patut atau perlu, kedudukan ekonomi Plaintiff atau Pemohon yang tidak kukuh, bakal wali tidak bersetuju, bakal isteri tidak bersetuju dan gagal mengikut prosedur. Namun faktor tertinggi adalah faktor ekonomi Plaintiff yang tidak kukuh yang dapat meyakinkan Hakim bicara untuk meluluskan permohonan. Jelas dapatan ini dapat membuka minda semua pihak bahawa Mahkamah Syariah tidak sewenang-wenang menolak sesuatu kes permohonan poligami, namun pihak-pihak itu sendiri yang menyebabkan kes mereka ditolak. Walaubagaimanapun Mahkamah akan membuat keputusan yang tersendiri lagi adil berdasarkan keterangan kedua pihak dan bukti-bukti sokongan yang

dikemukakan dihadapan Mahkamah berdasarkan seksyen 23 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003.

RUJUKAN

- Al Quran .2010. *Tafsir Pimpinan Al Rahman Kepada Pengertian Al Quran*. Kuala Lumpur. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Abu Walid Abu Hassan. 2016. Hak-hak Wanita Menurut Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia. Cyberjaya : Universiti Islam Malaysia.
- Anuar Ahmad Utusan Malaysia. 2016. *Integriti Dalam Poligami*
- Azizah Mohd Rapini & Nur Zulfah Md Abdul Salamini,2020.Keperluan Kehadiran Isteri Sedia Ada Dalam Permohonan Poligami: Satu Tinjauan Awal: Bangi:Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E. 1996. *How to Design and Evaluate Research*.USA : Mc. Fraw-Hill Inc.
- Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Wan Asrudi Wan Hasan. Harian Metro . 2015. *Kahwin Ekspres Menganak*: 20 Februari
- Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji .2009. *Kitab Fikah Mazhab Syafie Jilid 4*. Pustaka Salam: Kuala Lumpur.
- Zaleha Muhamat. 2002. *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Zulkifli Mohd Yusoff dan Muhammad Mukhlis. 2014. *Asbabun Nuzul Sebab-Sebab Turunnya Ayat Al- Quran* . Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd

SENARAI KES

- Saman No: 10400-011-0271-2009-Mohd Fadzil lwn Suriyati MTS Selangor
- Saman No:10300-011-0437-2011-Che Muhammad Hafizi lwn Nurul Aini Wahidah MTS Selangor
- Saman No:10200-011-0077-2010-Mohd Jajuli lwn Zurainah & Nurul Ain MTS Selangor
- Saman No:10400-011-0467-2012-Mohammad Asraf lwn Zuraini MTS Selangor
- Saman No:10100-011-0601-2013-Mohammad Shahree lwn Hanita MTS Selangor
- Saman No:10400-011-0197-2011-Hashnol Hafizh lwn Zakiah MTS Selangor
- Saman No:10200-011-0181-2011-Hazlan lwn Nazeriah MTS Selangor
- Saman No:10400-011-0629-2012-Ruslan lwn Poziyah MTS Selangor
- aman No:10400-011-0225-2012-Mokhtar lwn Hamidah MTS Selangor

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.